

Ucapan Datuk Hussein Onn, Menteri
Pelajaran Persekutuan, di upacara
pembukaan resmi bangunan tambahan
Sekolah St. Thomas, Kuching, Sarawak,
pada hari Isnin, 12hb Mach, 1973

Jam: 5.00 petang

Saya ucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga Pengurus, Guru Besar serta kakitangan Sekolah St. Thomas kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan pembukaan bangunan tambahan sekolah ini. Sebagaimana yang telah diberitahu bahawa bangunan tambahan ini ialah peringkat ketiga dalam rancangan pembangunan sekolah ini. Bangunan ini mempunyai sembilan bilik darjah, sebuah khutub-khanah, dua buah pejabat, sebuah bilik kakitangan yang agak besar, tandas, tempat meletak basikal dan juga jalan. Jumlah perbelanjaan kesemuanya ialah \$157,000 yang mana setengah daripadanya telah disumbangkan oleh Kerajaan. Sekolah ini sedang menyiapkan peringkat akhir rancangan pembangunannya ketika ini, iaitu memperbaharui

semula keseluruhan bangunan besarnya.
Jumlah perbelanjaan ialah \$70,000 yang
mana \$23,000 adalah sumbangan oleh
Kerajaan. Saya diberitahu bahawa bangunan
ini akan dapat memberi tempat yang cukup
kepada 500 orang pelajar-pelajar menengah
termasuk 260 orang pelajar-pelajar tingkatan
enam. Kejayaan-kejayaan ini patut dipuji
dan saya ucapkan tahniah kepada semua
yang berkenaan.

2. Perkembangan pelajaran, terutamanya pelajaran Inggeris, di Malaysia Timor dan juga Malaysia Barat, sentiasa mempunyai hubungan rapat dengan sekolah-sekolah Mission Keristian. Negara ini sangat terhutang budi kepada mereka. Meskipun masa dan keadaan berubah, mereka tetap meneruskan kerja baik mereka memberikan pelajaran tanpa mementingkan diri sendiri dengan segala sukarela dan penuh dedikasi. Kerajaan Pusat akan terus bekerjasama dengan mereka dan memberi apa jua bantuan yang boleh.

3. Sekolah Menengah St. Thomas ialah sebuah sekolah Anglikan dan merupakan sekolah mission yang tertua sekali di Sarawak. Pada tahun ini sekolah ini bersama-sama dengan sekolah St. Mary akan merayakan ulangtahunnya yang ke 125. Saya percaya bahawa tuan-tuan semua ingin turut serta dengan saya mengucapkan "Selamat Menyambut Hari Ulangtahun". Untuk upacara ini, bersama-sama dengan kita di sini ialah Yang Berbahagia The Lord Archbishop of Canterbury, Dr. Michael Ramsey. Yang Berbahagia, izinkan saya bagi pihak Kerajaan Pusat, mengucapkan selamat datang ke Malaysia. Di Malaysia tuan berada dikalangan rakyat yang suka berbaik-baik dan kami berharap semoga; lawatan tuan yang singkat ini merupakan satu lawatan yang menyukakan dan menjadi kemangan yang abadi. Malaysia ialah sebuah negara yang

masih muda yang terdiri dari rakyat berbilangan keturunan, agama dan kebudayaan. Sungguhpun demikian kami berazam untuk mewujudkan perpaduan, dan Insyaallah, kami akan berjaya.

4. Ketika ini terdapat di Sarawak 1217 sekolah-sekolah rendah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan dengan murid-muridnya seramai 157,500 orang, dan 58 sekolah-sekolah menengah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan dengan 30,270 penuntut bawah Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975, sebanyak \$42.37 juta telah diperuntukkan bagi perkembangan dan memperbaiki lagi pelajaran di Sarawak dan dari jumlah ini sebanyak \$14,153 juta telah diperuntukkan bagi tahun ini. Berkenaan dengan perbelanjaan mengurus, sebanyak \$37,158 juta telah diperuntukkan bagi tahun ini.

5. Selama ini kita telah berusaha dengan segala upaya baik dari segi tenaga mahupun kewangan untuk memberi pelajaran yang baik seberapa ramai yang boleh kepada anak-anak kita. Pelajaran rendah di negara ini adalah percuma dan pada satu masa nanti begitu juga pelajaran menengah. Banyak telah dapat dilaksanakan terutama sekali di Malaysia Barat, untuk memperbaiki mutu pelajaran rendah dan menengah. Masih banyak lagi perlu dilaksanakan. Kita masih menghadapi banyak kesulitan terutama sekali dari segi kekurangan guru-guru sains dan ilmu hisab yang terlatih dan guru-guru Bahasa Malaysia dan Inggeris. Kesulitan ini sememangnya dijangkakan yang disebabkan oleh perkembangan pelajaran yang begitu pesat. Pada tahun ini sahaja, di seluruh Malaysia terdapat 1.822

juta kanak-kanak di sekolah-sekolah rendah dan lebih kurang 658,000 orang di sekolah-sekolah menengah.

6. Di Malaysia Barat, gaji, syarat-syarat perkhidmatan dan kebaikan guru-guru seluruhnya telah banyak diperbaiki. Demikianlah juga halnya dengan guru-guru di Sarawak dan Sabah. Kementerian Pelajaran Pusat sedang berunding dengan Kerajaan Sarawak dan Sabah mengenai sekim gaji baru bagi guru-guru di kedua-dua negeri ini.

7. Kami sangat memandang berat bahawa jenis dan mutu pelajaran di sekolah-sekolah di Sarawak tidak mencapai kemajuan yang sejajar dengan sekolah-sekolah di Malaysia Barat. Sudah tentulah sebab-sebabnya banyak. Tindakan yang diambil baru-baru ini oleh Kerajaan Sarawak untuk mengambil alih semua sekolah yang ditadbirkan oleh majlis-majlis tempatan ialah satu langkah yang bijak dan sudah semestinya membaiki lagi keadaan di sekolah-sekolah itu. Saya berasa sukacita mengetahui bahawa Kerajaan Sarawak sedar betapa perlunya menukar sistem pelajaran di sini kepada sistem pelajaran di Malaysia Barat. Demi kepentingan pelajaran di negeri ini, saya mencadangkan supaya negeri Sarawak bergerak selangkah lagi dan mengkaji huraian

dalam Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan Malaysia 1962, berhubung dengan pelajaran.

8. Kami mahukan Sarawak dan Sabah sama-sama menggunakan segala kemudahan pelajaran yang ada di Malaysia Barat. Kami telahpun mengadakan Perkhidmatan Talivisyen Pendidikan di Malaysia Barat semenjak tahun lalu. Kami sedang merancangkan hendak menyambong perkhidmatan ini ke Sarawak dan Sabah melalui perhubungan satellite.

Saya dengan segala sukacitanya merasmikan pembukaan bangunan tambahan sekolah ini.



No Siri 532
No Penerimaan 177/80